

Malaysia nak bantu Papua buka estet padi

Dari IDZAN ISMAIL

PORT MORESBY (Papua New Guinea), Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, Malaysia akan menghantar beberapa orang pakar untuk membantu Papua New Guinea dalam bidang penanaman padi secara besar-besaran.

Perdana Menteri berkata, beliau akan membincangkan perkara itu sekembalinya ke tanahair dengan sektor perladangan tempatan termasuk Harrisons and Crossfield, Guthrie dan Sime Darby.

Bantuan itu diberikan berikutan minat yang ditunjukkan oleh Papua New Guinea bagi menjayakan penanaman padi secara ladang di samping secara kecilan seperti yang telah dijalankan oleh Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu demikian kepada Bernama selepas mengadakan perbincangan lebih tiga jam setengah dengan Timbalan Perdana Menteri, Palas Wingti di Kompleks Pejabat Kerajaan Papua New Guinea di Waigani, kira-kira 11 kilometer dari bandaraya ini.

Dalam pertemuan itu, Encik Wingti juga ber-

tanggungjawab terhadap perancangan negaranya telah memberi taklimat mengenai perancangan yang telah dan akan dijalankan di Papua New Guinea.

Perdana Menteri telah menjemput para pegawai Papua New Guinea melawat Malaysia untuk meninjau sendiri perkembangan pembangunan di sana termasuk usaha penanaman padi secara besar-besaran.

Perdana Menteri berkata, beliau telah mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya Encik Michael Somare dan beliau kagum dengan kejayaan Malaysia dalam hampir semua bidang serta ingin mencontohi pengalaman itu.

Antara perkara yang dibincangkan secara umum dalam pertemuan itu ialah pembangunan semula tanah, teknologi penanaman dan penyelidikan getah, serta kelapa sawit, sistem pelaburan Malaysia, sektor industri perladangan dan pentadbiran daerah dan kampung.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata oleh kerana Papua New Guinea masih dalam peringkat awal pembangunan, negara itu memerlukan tunjuk ajar dalam bidang pembangunan di Malaysia.